



6 Oktober 2022  
6 October 2022  
P.U. (A) 315

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) (NO. 3)  
(PEMBATALAN) 2022

*EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) (NO. 3)  
(REVOCATION) ORDINANCE 2022*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) (NO. 3)  
(PEMBATALAN) 2022

Suatu Ordinan yang dimasyhurkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

[6 Oktober 2022]

BAHAWASANYA disebabkan oleh suatu darurat besar berlaku yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam sebahagian daripada Persekutuan iaitu di Bahagian Pilihan Raya Negeri N.66 Bugaya, Sabah berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), suatu Proklamasi Darurat (No. 3) [*P.U. (A) 358/2020*] telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan pada dua belas hari bulan Disember, dua ribu dua puluh:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa keperluan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 3) 2020 [*P.U. (A) 359/2020*] yang telah dimasyhurkan di bawah Proklamasi Darurat (No. 3) telah berakhir dan suatu tindakan untuk membatalkan Ordinan Darurat itu adalah dikehendaki:

MAKA ADALAH DENGAN INI DIMASYHURKAN SUATU ORDINAN oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Ordinan ini bolehlah dinamakan **Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 3) (Pembatalan) 2022**.

**Pembatalan**

2. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No. 3) 2020 [*P.U. (A) 359/2020*] dibatalkan.

DIMASYHURKAN di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan pada enam hari bulan Oktober, dua ribu dua puluh dua.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Yang di-Pertuan Agong*

*[Akan dibentangkan di Parlimen menurut Fasal (3) Perkara 150  
Perlembagaan Persekutuan]*

EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) (NO. 3)  
(REVOCATION) ORDINANCE 2022

An Ordinance promulgated by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution.

[6 October 2022]

WHEREAS by reason of a grave emergency threatening the security, economic life and public order of a part of the Federation namely the State Constituency of N.66 Bugaya, Sabah arising from the epidemic of an infectious disease, namely Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), a Proclamation of Emergency (No. 3) [*P.U. (A) 358/2020*] has been issued by the Yang di-Pertuan Agong under Clause (1) of Article 150 of the Federal Constitution on the twelfth day of December, two thousand twenty:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that the need for the Emergency (Essential Powers) (No. 3) Ordinance 2020 [*P.U. (A) 359/2020*] promulgated under the Proclamation of Emergency (No. 3) has ended and an action to revoke the Emergency Ordinance is required:

IT IS HEREBY PROMULGATED AN ORDINANCE by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution as follows:

**Short title**

1. This ordinance may be cited as the **Emergency (Essential Powers) (No. 3) (Revocation) Ordinance 2022**.

**Revocation**

2. The Emergency (Essential Powers) (No. 3) Ordinance 2020 [*P.U. (A) 359/2020*] is revoked.

PROMULGATED at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital,  
this sixth day of October, two thousand twenty two.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Yang di-Pertuan Agong*

*[To be laid before Parliament pursuant to Clause (3) of Article 150 of the  
Federal Constitution]*